

30/09/1998

Kerajaan jamin terus bantu pelabur asing

Abdul Razak Raaff

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad semalam memberi jaminan kepada pelabur asing bahawa kerajaan begitu komited meneruskan dasar perniagaan untuk pelabur jangka panjang.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan sentiasa mengiktiraf hakikat bahawa pelaburan langsung asing (FDI) boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan ekonomi negara.

Sehubungan itu, beliau menegaskan kerajaan akan terus berusaha mempromosi kemasukan pelaburan asing secara langsung kerana ia dapat meningkatkan pembangunan sektor pembuatan serta kedudukan ekonomi negara.

Beliau menjelaskan, keputusan kerajaan mengikat nilai ringgit pada kadar RM3.80 berbanding dolar Amerika tidak akan menghalang kemasukan FDI dalam pelbagai sektor perindustrian.

Malah, beliau berkata, kawalan itu memudahkan pelabur asing menyediakan belanjawan terhadap pelaburan dan pemprosesan barangan bagi pasaran domestik dan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, kawalan tukaran asing itu juga tidak menghalang pelabur asing menerima pulangan keuntungan, jika melakukan pelaburan secara langsung di negara ini.

"Objektif melakukan perubahan drastik (kawalan tukaran asing) ialah mendapatkan semula kebebasan dalam sistem kewangan selain bertujuan memisahkan ekonomi domestik daripada pengaruh ekonomi yang lebih global serta tidak menentu.

"Perubahan itu juga mensasarkan kawalan terhadap spekulasi ringgit serta meminimumkan kesan aliran masuk modal dalam ekonomi domestik bagi tempoh jangka pendek," katanya dalam ucapan perasmian kilang Outokumpu Copper Products (M) Sdn Bhd di Johor Baru, semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Turut hadir ialah Duta Finland ke Malaysia, Erkki Huittinen; Pengerusi Kumpulan Outokumpu, Dr Gerhard Wendt; Pengerusi Eksekutifnya, Dr Jyrki Juusela; Presiden Autokumpu Copper Products, Seppo Kuruelaa dan ahli exco serta pegawai kerajaan negeri.

Outokumpu, pengeluar kedua terbesar barangan berasaskan tembaga di dunia melabur RM180 juta bagi membina kilang menghasilkan fabrikasi logam, anod tembaga, tiub dan profil tembaga bagi industri saduran am, papan litar bercetak, bahan konduktor elektrik, telekomunikasi, automotif dan industri penyaman udara.

Syarikat itu juga mensasarkan pasaran eksport 75 hingga 80 peratus bagi rantau Asia.

Dr Mahathir juga mengalu-alukan kemasukan pelaburan asing secara langsung dalam sektor perindustrian pembuatan logam tahan karat seperti tembaga berikutan pengeluaran dalam negara masih kurang.

Menurutnya, negara masih mengimport pengeluaran berasaskan tembaga dan memerlukan kerjasama pelabur asing bagi membantu meningkatkan nilai eksport serta mencergaskan pergerakan ekonomi negara.

"Tahun lalu, kerajaan meluluskan 17 projek dalam sektor pengeluaran berasaskan tembaga dengan pelaburan modal bernilai RM366.8 juta serta FDI berjumlah RM54.3 juta.

"Bagi tempoh Januari hingga Ogos lalu, kerajaan meluluskan tiga projek dengan jumlah keseluruhan pelaburan modal bernilai RM257.4 dan FDI RM194 juta," katanya.

Selain itu, beliau berkata, sehingga hujung Ogos lalu, kerajaan juga meluluskan sebanyak 23 projek dalam sektor pembuatan dari pelabur Finland bernilai RM700 juta.

(END)